



LEMBAGA BOYA DAN API SARAWAK
D/A JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH SARAWAK
Lot 683, Jalan Utama, Tanah Puteh, Kuching

NOTIS IKLAN JAWATAN KOSONG

Ruj. Kami: JLS/A1/489/5 Jld.5(39)
Tarikh : 24 NOVEMBER 2016

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri,
Badan-badan berkanun dan Syarikat-syarikat**

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan kosong bagi Lembaga Boya dan Api Sarawak (LBAS) seperti berikut, di Jabatan Laut Wilayah Sarawak, Ibu Pejabat, Kuching.

- | | | |
|----------------------------------|----------|--|
| (a) Jawatan | : | Penolong Akauntan Gred W29 |
| (b) Kekosongan | : | Satu (1) |
| (c) Taraf Jawatan | : | Sementara (Kontrak) dan tidak berpencen (mencarum kepada KWSP) |
| (d) Kumpulan Perkhidmatan | : | Sokongan |
| (e) Jadual Gaji – | : | Gaji Minimum – Maksimum sebulan
RM 1498.00 – 5678.00 (belum termasuk elaun
elaun tetap yang layak diterima) |
| (f) Syarat Lantikan | : | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki
kelayakan asas seperti berikut: |
| | | i) Memiliki STPM atau DIPLOMA AKAUNTANSI dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang diiktiraf, serta mendapat kepujian dalam mata pelajaran Matematik/Prinsip Akaun pada peringkat peperiksaan SPM/STPM. |
| | | ii) Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia/Melayu, termasuk lulus Ujian Lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. |
| | | iii) Kebolehan menggunakan komputer (Microsoft office) dengan baik. Wajib menyertakan sijil-sijil komputer yang berkaitan |
| | | iv) Kebolehan menulis, membaca dan bertutur dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris dengan baik. |
| | | v) Pengalaman bekerja dalam bidang kewangan/Akaun (jika ada) adalah suatu kelebihan. |

(g) Diskripsi/Senarai Tugas:

- 1) Menyelenggara Laporan bulanan Terimaan hasil Lembaga Boya dan Api Sarawak (LBAS) dari semua Pejabat Pemungut Jabatan Laut dan Pejabat-pejabat Daerah, termasuk menyediakan Penyata penyesuaian bulanan.
- 2) Menyediakan Penyata kewangan tahunan Lembaga Boya dan Api Sarawak untuk diaudit, termasuk menyediakan kertas pembentangan Penyata kewangan tahunan bagi pihak Menteri Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan (MIDT) Sarawak, setelah persijilan oleh pihak Audit.
- 3) Menyediakan Bajet tahunan bagi Lembaga Boya dan Api Sarawak, termasuk membentangkannya dalam Mesyuarat Lembaga Boya dan Api Sarawak (LBAS)
- 4) Menyediakan Maklumat Kewangan dan pungutan hasil untuk Mesyuarat Lembaga Boya dan Api Sarawak dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Akaun (JPKA) Negeri
- 5) Membuat pengagihan peruntukan ke Pejabat-pejabat Bahagian.
- 6) Menyediakan Baucer Jurnal untuk hasil Lembaga yang tersilap dikreditkan.
- 7) Membuat Naziran kewangan dan pungutan Hasil Lembaga (LBAS), di semua Pejabat kawasan dan Pejabat-Pejabat Daerah tertentu.
- 8) Ikut menghadiri Mesyuarat Lembaga Boya dan Api Sarawak.
- 9) Selaku Urusetia JPKA Negeri dan menjadi pencatat minit bagi Mesyuarat JPKA Negeri (jika di arah)
- 10) Tugas-tugas lain yang diarah dari masa ke masa oleh pihak Lembaga dan pihak Pengurusan Jabatan.

(h) Penaklukan Di bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada Syarat-syarat skim perkhidmatan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat dari masa ke semasa.

- (i) Tempoh Kontrak/Perlanjutan :** Dua (2) tahun (dibaharui tahun ke tahun) dan perlanjutan dibuat 2 bulan sebelum tarikh tamat kontrak, tertakluk kepada prestasi perkhidmatan yang memuaskan.
- (j) Umur pada Tarikh Iklan ditutup :** Tidak kurang dari 21 tahun pada tarikh iklan ditutup

(k) Cara Memohon:

Borang permohonan (contoh ada disertakan) boleh didapati daripada Unit Kewangan, (Blok A tingkat bawah) Ibu Pejabat Jabatan Laut Wilayah Sarawak di Jalan Utama, Tanah Puteh, Kuching, atau ianya boleh di dimuat turun dari Laman web Jabatan – [www.marine@ gov.my](http://www.marine.gov.my).

Semua permohonan hendaklah disertakan dengan gambar berukuran passport, termasuk salinan kad pengenalan, sijil-sijil persekolahan, dan telah diakui sah oleh pegawai-pegawai awam peringkat kanan gred 29 dan ke atas. Dokumen-dokumen ini tidak akan dikembalikan.

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah di hantar kepada: **PENGARAH LAUT WILAYAH SARAWAK, di LOT 683, JALAN UTAMA, TANAH PUTEH, 93619 KUCHING, (KAUNTER UNIT KEWANGAN, TINGKAT BAWAH BLOK A)** menggunakan sampul surat berukuran 23 sm x 32 sm **pada atau sebelum 13 JANUARI 2017 JAM 12.00 TENGAHARI**

Permohonan yang lewat diterima, tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat-syarat seperti di atas tidak akan dipertimbangkan. Hanya pemohon-pemohon yang benar-benar berkelayakan dan setelah ditapis akan dihubungi. Sekiranya pemohon-pemohon tidak dihubungi dalam tempoh masa tiga (3) bulan dari tarikh Iklan ini ditutup, maka permohonan itu dianggap tidak berjaya.

Pemohon-pemohon yang berjaya setelah ditapis dan disenarai pendek, akan dihubungi untuk ujian komputer sebelum ditemuduga. Ini dilakukan pada hari yang sama.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(HJ. DICKSON DOLLAH)

Pengarah Laut Wilayah Sarawak.